

**NASKHAH SYAIR SURAH AL-QIYAMAH:  
TRANSLITERASI DAN KAJIAN TEKS**



**DISEDIAKAN OLEH**

**FAIRUZAH BT. HJ. BASRI  
PROF. MADYA DR. HUZAIMAH ISMAIL  
SAFINAZ ABDUL SAMAT**

**JUN 2009**

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

الحمد لله رب العالمين. والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه  
أجمعين

Segala puji bagi Allah, Rabbul-<sup>c</sup>ālamīn. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, sekalian ahli keluarga dan para sahabatnya.

Penyelidik mengucapkan terima kasih kepada Research Management Institut (RMI) yang telah bersedia menerima penyelidikan ini sebagai satu corak penyelidikan sains sosial. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Pengarah CITU yang telah memberi dorongan dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Koordinator RMU yang telah memberi motivasi dalam usaha menyempurnakan penyelidikan ini. Kepada semua kawan-kawan di CITU juga diucapkan jutaan terima kasih kerana banyak memberi pandangan dalam penyelidikan ini walaupun secara tidak langsung.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada responden yang merupakan bekas pegawai Kedutaan Indonesia, Kuala Lumpur, Malaysia yang pernah bermukim di Kampong Gelam, Singapura pada tahun 1970an. Ucapan ini juga dirakamkan kepada semua yang terlibat dengan penyelidikan ini sama ada secara langsung mahupun tidak. Semoga Allah menganugerahkan rahmat kepada semua yang terlibat. Āmīn, Ya Rabbal-<sup>c</sup>ālamīn.

## ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah satu bentuk penyelidikan naskhah atau manuskrip Melayu yang mempunyai tema keagamaan. Naskhah yang menjadi tumpuan ialah naskhah *Syair Surah Qiyamah* (MSS 1787). Kajian ini menyentuh aspek fizikal teks dan tekstual naskhah. Dalam aspek tekstual, pengkaji menyungkil kembali teks yang dihasilkan pada abad ke 19 masihi dari aspek filologi dan menganalisis tema yang dipersembahkan. Dalam aspek fizikal naskhah pula, pengkaji menjelaskan nama-nama tokoh dan tempat yang tercatat pada naskhah, selain dari sifat fizikal naskhah yang melibatkan saiz naskhah, kertas yang digunakan dan lain-lain. Teks naskhah ditransliterasi pada bahagian akhir kajian sebagai satu produk yang berfaedah kepada golongan yang tidak menguasai Jawi.

## KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	ii
PANDUAN TRANSLITERASI	iii
SENARAI ISTILAH	iv
ABSTRAK	v
<b>BAB 1</b>	
PENDAHULUAN	1
<b>BAB 2</b>	
Pengenalan Naskhah, Pengarang, Penyalin	6
<b>BAB 3</b>	
ANALISIS TEMA SYAIR	15
<b>BAB 4</b>	
TRANSLITERASI NASKHAH	39
<b>BAB 5</b>	
PENUTUP	95
<b>RUJUKAN</b>	99
<b>LAMPIRAN</b>	101

# BAB 1

## PENGENALAN

### Pendahuluan

Kajian ini berjudul *Syair Surah al-Qiyamah: Kajian Teks dan Transliterasi*. Judul kajian cukup memperlihatkan kepada bidang dan tumpuan kajian, iaitu kajian naskhah atau manuskrip Melayu yang difokaskan kepada naskhah berjudul *Syair Surah al-Qiyamah*. Kajian naskhah termasuk satu bentuk kajian budaya atau Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan (Sains Sosial). Kajian bentuk ini tertumpu kepada satu naskhah sahaja. Namun untuk menetapkan naskhah yang paling tepat, perbandingan antara naskhah adalah satu kaedah yang perlu dilakukan.

Kajian naskhah akan menyungkil sebanyak mungkin pemikiran pengarang dan keseluruhan sifat fizikal naskhah *Syair Surah al-Qiyamah*. Transliterasi adalah satu bahagian merumikan naskhah asal yang ditulis dalam tulisan Jawi menggunakan sistem ejaan pada masa naskhah ditulis atau disalin. Bahagian ini amat bermanfaat kepada pencinta manuskrip yang kurang menguasai Jawi.

Naskhah *Syair Surah al-Qiyamah* merupakan naskhah kesusasteraan Melayu bercorak agama. Jumlah naskhah Melayu bercorak agama sama ada dalam bentuk prosa mahupun puisi melebihi jumlah naskhah bercorak sejarah, hikayat, perundangan atau lainnya. Keadaan ini mendorong kepada kelahiran kajian dan teori sastera kitab. Pengajaran agama yang ingin dijelaskan pengarang ialah mengenai Hari Kiamat dan pembalasan di Padang Mahsyar. Naskhah ini merupakan sebahagian dari ribuan naskhah Melayu yang menggunakan pendekatan syair untuk menyampaikan mesej agama. Matlamat utama mesej ini bukan sekadar menyampaikan pengajaran agama, tetapi hal paling penting ialah pembentukan moral dan akhlak mulia berasaskan kepada ajaran Islam.

Metodologi syair dalam penyebaran agama adalah diharuskan oleh Islam. Justeru itu, antara faktor kejayaan penyebaran Islam turut dilakukan oleh golongan penyair seperti